

15/11/2003

Belia lancar kempen hargai jasa Dr M

SHAH ALAM: Majlis Belia Malaysia (MBM) malam semalam melancarkan kempen Jasa Dikenang, Pemimpin Disayang bagi memberi peluang 9.8 juta belia negara ini mengucapkan terima kasih melalui poskad kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, MBM dengan kerjasama Pos Malaysia akan mengedarkan lima juta poskad ke seluruh negara bagi membolehkan belia menyampaikan ucapan itu.

Presidennya, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, ketika melancarkan kempen itu di kediamannya di sini, malam semalam, berkata sumbangan bekas Perdana Menteri sepanjang 22 tahun perkhidmatannya terlalu besar dan wajar diteladani semua rakyat negara ini.

Katanya, tindakan dan pemikiran Tun Dr Mahathir bukan saja memberi manfaat kepada rakyat, malah mengharumkan nama Malaysia hingga menjadi model kepada banyak negara lain.

Kepada Perdana Menteri baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beliau berkata, MBM akan terus berdiri teguh di belakang kepimpinan beliau sebagai pemimpin negara dan akan memastikan generasi belia bekerjasama dalam membangunkan negara.

"MBM akan berjuang bersama kerajaan untuk membina masa depan belia yang lebih baik dan mempunyai daya juang, sekali gus melahirkan generasi berkarisma serta berdaya tahan," katanya.

Hadir sama, Presiden Majlis Belia Selangor, Datuk Abdul Rahman Palil; Timbalan Presiden MBM, Abdullah Abu Bakar; Timbalan Pengurus Besar Pos Malaysia, Zakariah Md Sam serta 500 ahli belia mewakili 39 badan gabungannya.

Poskad pelbagai jenis yang turut memuatkan gambar kereta nasional, Sistem Transit Aliran Ringan dan Putrajaya yang menjadi simbol idea Tun Dr Mahathir, boleh didapati secara percuma di semua Pos Malaysia di seluruh negara.

"Pada poskad ini, kita mahu semua belia menulis sendiri ucapan penghargaan kepada Tun Dr Mahathir. Langkah itu perlu supaya mereka sendiri berasa insaf bahawa kemajuan dinikmati hari ini adalah hasil idea Tun Dr Mahathir," katanya.